



## **NOTIS TAWARAN SEBUT HARGA IKMa/BIL.01/2025**

**(1)**

**PEROLEHAN PEMBEKALAN DAN PENGHANTARAN  
MAKANAN BERMASAK ISLAM (KUIH MUIH) KE  
KAMPUS UTAMA INSTITUT KOPERASI MALAYSIA  
(IKMa), PETALING JAYA SELANGOR UNTUK TEMPOH  
2 TAHUN**

**NOTIS TAWARAN SEBUT HARGA : IKMa/BIL.01/2025**



**INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)  
AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI  
(KUSKOP)**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**

<b>NOMBOR SEBUT HARGA</b>	:	IKMa/BIL.01/2025									
<b>TAJUK PEROLEHAN</b>	:	PEROLEHAN PEMBEKALAN DAN PENGHANTARAN MAKANAN BERMASAK ISLAM (KUIH MUIH) KE KAMPUS UTAMA INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa), PETALING JAYA SELANGOR UNTUK TEMPOH 2 TAHUN									
<b>KOD BIDANG</b>	:	040103 MAKANAN BERMASAK (ISLAM)									
<b>TARIKH BUKA</b>	:	28 JANUARI 2025 (SELASA)									
<b>LAWATAN TAPAK</b>	:	<table border="1"><tr><td>TARIKH</td><td>:</td><td>3 FEBRUARI 2025 (ISNIN)</td></tr><tr><td>MASA</td><td>:</td><td>2.30 PETANG</td></tr><tr><td>TEMPAT</td><td>:</td><td>BILIK SEROJA, BLOK C, INSTITUT KOPERASI MALAYSIA.</td></tr></table>	TARIKH	:	3 FEBRUARI 2025 (ISNIN)	MASA	:	2.30 PETANG	TEMPAT	:	BILIK SEROJA, BLOK C, INSTITUT KOPERASI MALAYSIA.
TARIKH	:	3 FEBRUARI 2025 (ISNIN)									
MASA	:	2.30 PETANG									
TEMPAT	:	BILIK SEROJA, BLOK C, INSTITUT KOPERASI MALAYSIA.									
<b>TARIKH TUTUP</b>	:	10 FEBRUARI 2025 (ISNIN) JAM 12.00 TENGAH HARI									

1. Borang sebut harga boleh dimuat turun melalui laman sesawang [www.ikma.edu.my](http://www.ikma.edu.my) mulai 28 Januari 2025 (Selasa)

**NOTIS TAWARAN SEBUT HARGA : IKMa/BIL.01/2025**

2. Syarikat yang hendak mengikuti perolehan ini perlu mematuhi syarat tersebut:
  - i. Mempunyai Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan yang masih sah laku
  - ii. Mempunyai Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan yang masih sah laku (sekiranya ada)
  - iii. Mempunyai Salinan Kod Bidang Dari Kementerian Kewangan Malaysia bagi kod bidang 040103 yang masih sah laku
  - iv. Mempunyai Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat yang yang masih sah laku
3. Dokumen sebut harga yang lengkap perlu dimasukkan ke dalam peti sebut harga yang disediakan seperti alamat berikut:

Ketua Pengarah  
Blok A, Tingkat 1,  
Institut Koperasi Malaysia,  
103, Jalan Templer,  
46700 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan.  
(u/p: Unit Kewangan Dan Perolehan)

4. Sebarang pertanyaan berkaitan perolehan ini sila hubungi:

Nama Pegawai	Bahagian	No Telefon
Pn Nor Zaidah Muhammad	Unit Fasiliti Dan Sajian	03-79649126
Cik Nur Zulaikha Binti Borhan	Unit Kewangan & Perolehan	03-79649144

**(2)**

**LAMPIRAN Q**

**LAMPIRAN Q**  
**(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)**

No. Sebut Harga IKMa/BIL.01/2025

**KERAJAAN MALAYSIA**  
**NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

**SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN/PERKHIDMATAN**

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

**Kepada (Nama Syarikat):**

.....  
.....

**No. Telefon:** .....

**No. Pendaftaran Kementerian Kewangan :**

.....  
Kod bidang pendaftaran yang relevan dengan pembelian  
ini: **040103**

Pelawaan sebut harga dikeluarkan oleh  
Kementerian/Jabatan :

**INSTITUT KOPERASI MALAYSIA**  
**NO 103, JALAN TEMPLER,**  
**46700 PETALING JAYA,**  
**SELANGOR DARUL EHSAN.**

No. telefon: **03-79649144**

Tarikh: **28 JANUARI 2025 (SELASA)**

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:
  - 1.1 Syarat penyerahan/penyempurnaan berdasarkan spesifikasi sebut harga.
  - 1.2 Tarikh penyerahan/penyempurnaan dikehendaki **2 TAHUN.**
  - 1.3 Arahan pengiriman **DOKUMEN SERAHAN TANGAN**
  - 1.4 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda nombor sebut harga **IKMa/BIL.01/2025**
  - 1.5 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada jam **12.00 TENGAH HARI 10 FEBRUARI 2025 (ISNIN)**
  - 1.6 Tempoh sah laku sebut harga hendaklah **90** hari selepas tarikh tutup.

Tandatangan: .....

Tarikh: **27 JANUARI 2025 (ISNIN)**

Nama Pegawai: **SHAMSURI BIN SALLEH**

Jawatan: **PENGARAH KEWANGAN DAN PEMBANGUNAN**

Bil.	Perihal bekalan/perkhidmatan dan Syarat-syarat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Kementerian/Jabatan			Untuk diisi oleh Penyebut Harga		
IKMa/BIL. 01/2025	PEROLEHAN PEMBEKALAN DAN PENGHANTARAN MAKANAN BERMASAK ISLAM (KUIH MUIH) KE KAMPUS UTAMA INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa), PETALING JAYA SELANGOR UNTUK TEMPOH 2 TAHUN				

HARGA BERSIH  
TERMASUK  
CUKAI JUALAN  
DAN CUKAI  
PERKHIDMATAN  
(SST)

- (i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih termasuk cukai jualan dan cukai perkhidmatan (SST) ; dan
- (ii) Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah 2 TAHUN

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan:

Penyebut Harga: .....

Tarikh:.....

Nama dan K/P: .....

Alamat Syarikat: .....

**Mustahak – Lihat Syarat-syarat Am Di Belakang**

**SYARAT-SYARAT AM**

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

**1. KEADAAN BARANG**

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

**2. HARGA**

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

**3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

**4. BARANG SETARA**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

**5. PERSETUJUAAN**

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan
- (ii) Setiap butiran akan ditimbangkan sebagai satu sebut harga yang berasingan.

**6. PEMERIKSAAN**

- (i) Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

## **7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI**

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

## **8. PENOLAKAN**

- (i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;
- (ii) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan
- (iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

## **9. PENGIKLANAN**

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

## **10. TAFSIRAN**

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

## **11. INSURANS**

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

## **BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA**

### **12. CUKAI**

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

### **13. PEMBUNGKUSAN**

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

### **14. PENGENALAN**

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

## **BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA**

### **15. CUKAI**

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

### **16. MATA WANG**

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

### **17. PEMBUNGKUSAN**

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut normal perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

**(3)**

**SURAT AKUAN PEMBIDA**  
**-LAMPIRAN F-**

## **SURAT AKUAN PEMBIDA**

### **PEROLEHAN PEMBEKALAN DAN PENGHANTARAN MAKANAN BERMASAK ISLAM (KUIH MUIH) KE KAMPUS UTAMA INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa), PETALING JAYA SELANGOR UNTUK TEMPOH 2 TAHUN**

**SEBUT HARGA: IKMa/BIL.01/2025**

1. Saya,.....(Nama Wakil Syarikat), No.Kad Pengenalan.....mewakili..... (NamaSyarikat) nombor pendaftaran.....(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana orang mewakili syarikat ini:
  - i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agenzi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
  - ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisyiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **Institut Koperasi Malaysia (IKMa)** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa:

- 3.1 saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan\* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i)dalam surat akuan ini;atau
- 3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk memenuhi perkara (ii) dalam surat akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712,syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhajaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.
5. Saya sesungguhnya falam bahawa syarikat melakukann kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat\*\*memberikan,menjanjikan atau menawarkan suapa untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau feadah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan : .....

Nama : .....

No.KP : .....

Tarikh : .....

Cap Syarikat : .....

Catatan:

- (i) \*termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Kesyeksaan [Akta 574].
- (ii) \*\*seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan kerajaan.

Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini.  
Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak.

**(4)**

**SENARAI SEMAK DOKUMEN  
SEBUT HARGA**

**(WAJIB HANTAR DOKUMEN BERKAITAN)**



**SENARAI SEMAK  
(BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)**

**SILA TANDAKAN BAGI  / DOKUMEN-DOKUMEN YANG DISERTAKAN.**

BIL.	PERKARA/DOKUMEN	UNTUK DITANDA OLEH SYARIKAT	UNTUK DITANDA OLEH JAWATANKUASA PEMBUKA SEBUT HARGA
1.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan ( <b>masih tempoh sah laku</b> ) (Bekalan/Perkhidmatan)		
2.	Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan ( <b>masih tempoh sah laku</b> ) (Bekalan /Perkhidmatan)		
3.	Salinan Kod Bidang Dari Kementerian Kewangan Malaysia bagi kod bidang 040103 <b>(masih tempoh sah laku)</b>		
4.	Salinan No.Pendaftaran Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST)		
5.	Salinan Sijil Pendaftaran Dari CIDB (jika berkaitan)		
6.	Borang Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan Ditandatangani		
7.	Borang Penyerahan Contoh Dan Katalog (jika berkaitan)		
8.	Cadangan Penyelenggaraan/Penyenggaraan (jika perlu)		
9.	Senarai Kakitangan Teknikal (jika berkaitan)		
10.	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi (3) Bulan terakhir yang telah dicop sebagai pengesahan oleh pihak bank sahaja		
11.	Salinan SSM dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia <b>(masih tempoh sah laku)</b>		
12.	Salinan Pengalaman Syarikat Berkaitan Perolehan Tersebut		
13.	Salinan Profail Syarikat		
14.	Lain-Lain Sekiranya Ada		

<b>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</b>	<b>UNTUK KEGUNAAN JABATAN</b>
Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.	Jawatankuasa Pembuka Sebut harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil..... (jika ada)
<b>Tandatangan :</b>	<b>Tandatangan :</b>
<b>Nama :</b>	<b>Nama :</b>
<b>Jawatan :</b>	<b>Jawatan :</b>
<b>Tarikh :</b>	<b>Tarikh :</b>
	<b>Tandatangan :</b>
	<b>Nama :</b>
	<b>Jawatan :</b>
	<b>Tarikh :</b>

**(5)**

**ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA**



# ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

---

**PEROLEHAN PEMBEKALAN DAN PENGHANTARAN MAKANAN BERMASAK ISLAM (KUIH MUIH) KE KAMPUS UTAMA INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa), PETALING JAYA SELANGOR UNTUK TEMPOH 2 TAHUN**

**NOMBOR SEBUTHARGA :IKMa/BIL.01/2025**

**INSTITUT KOPERASI MALAYSIA**

## **1. ARAHAN AM**

- 1.1 Sebutharga adalah dipelawa dari syarikat-syarikat bagi Perolehan Pembekalan Dan Penghantaran Makanan Bermasak Islam (Kuih Muih) Ke Kampus Utama Institut Koperasi Malaysia (IKMa), Petaling Jaya Selangor Untuk Tempoh 2 Tahun
- 1.2 Penyebutharga yang mengemukakan sebutharga adalah tertakluk kepada syarat-syarat dan arahan-arahan yang terdapat dalam dokumen ini dan kontrak. Arahan-arahan dan syarat-syarat yang dinyatakan hendaklah disifatkan sebagai syarat kontrak. **Sebutharga yang tidak mengikut syarat-syarat yang dinyatakan tidak akan dipertimbangkan.**

## **2. KEPERLUAN KELAYAKAN PENYEBUTHARGA**

- 2.1 Tawaran dipelawa kepada penyebutharga-penyebutharga berikut :-
  - i. Mempunyai Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan yang masih sah laku
  - ii. Mempunyai Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan yang masih sah laku (sekiranya ada)
  - iii. Mempunyai Salinan Kod Bidang Dari Kementerian Kewangan Malaysia bagi kod bidang 040103 yang masih sah laku
  - iv. Mempunyai Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat yang yang masih sah laku
- 2.2 IKMa berhak untuk membatalkan perlantikan syarikat sekiranya perkhidmatan tidak mematuhi syarat yang ditetapkan/tawaran yang dipersetujui seperti di dalam dokumen sebutharga.

## **3. BORANG SEBUTHARGA**

- 3.1 Penyebutharga perlu menandatangani **Borang Akuan Sebutharga** seperti yang dilampirkan pada **Lampiran Q** bagi mengesahkan tawaran sebutharga.
- 3.2 Penyebutharga perlu mengisi spesifikasi lengkap dengan harga tawaran hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun, cukai dan kos tambahan yang berkaitan.

#### **4. PENYERAHAN SEBUTHARGA.**

- 4.1 Dokumen sebutharga perlu dikemukakan seperti format maklumbalas yang dinyatakan serta memenuhi semua keperluannya.
- 4.2 Sila catat **TAJUK SEBUT HARGA** di sebelah kiri sampul surat dan diserahkan mengikut tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan. Pihak IKMa berhak menolak mana-mana dokumen yang tidak lengkap atau lewat diterima.
- 4.3 Dokumen sebutharga hendaklah dialamatkan (dengan dimasukkan pada peti yang disediakan) kepada :-

Ketua Pengarah  
Blok A, Tingkat 1,  
Institut Koperasi Malaysia,  
103, Jalan Templer,  
46700 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan.  
(u/p: Unit Kewangan Dan Perolehan)

- 4.4 IKMa tidak akan bertanggungjawab ke atas kehilangan borang - borang penyertaan sebutharga akibat kesilapan alamat yang dihantar secara pos atau melalui tangan.

#### **5. KOS SEBUTHARGA**

- 5.1 Penyebutharga mestilah menanggung sendiri semua kos berkaitan dengan penyediaan dan penghantaran sebutharga. IKMa tidak akan bertanggungjawab ke atas kos-kos tersebut.

## **6. HARGA, CUKAI DAN TEMPOH SAH LAKU**

- 6.1 Semua harga sebutharga mestilah di dalam **RINGGIT MALAYSIA** bagi setiap item termasuk Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) (Sekiranya ada) dan berdasarkan kepada format yang disediakan. Jadual harga yang dikemukakan mestilah dinyatakan dalam angka yang tepat bagi unit harga dan jumlah harga.
- 6.2 Harga tawaran hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj yang perlu dan berkaitan bagi penghantaran bekalan dengan sempurna.
- 6.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan dan diproses bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos pengangkutan, bahan-bahan dan semua duti dan cukai kerajaan,samada dalam tempoh sah tender atau dalam tempoh bekalan.
- 6.4 Penyebutharga perlu melampirkan **Salinan No Pendaftaran Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST)** jika ada. Sekiranya penyebutharga yang berjaya tetapi **TIDAK MENYATAKAN** nilai Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) pada tawaran sebutharga, pihak IKMa akan mengekalkan harga seperti yang dinyatakan pada tawaran harga oleh penyebutharga
- 6.5 Harga yang disebutkan dalam sebutharga hendaklah sah laku di dalam tempoh tidak kurang dari 90 hari dari tarikh tutup sebutharga.
- 6.6 Harga-harga yang ditawarkan dalam sebut harga ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas sebut harga ini ditutup dan akan berkuat kuasa selama tempoh sah laku sebut harga. Penyebut harga yang berjaya ditawarkan sebut harga ini hendaklah mematuhi sepanjang masa kontrak berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan tanpa persetujuan kedua- dua belah pihak.

## **7. PERJANJIAN KONTRAK & DENDA KELEWATAN**

- 7.1 Penyebutharga yang berjaya adalah dikehendaki mengikat kontrak dengan IKMa bagi Perolehan Pembekalan Dan Penghantaran Makanan Bermasak Islam (Kuih Muih) Ke Kampus Utama Institut Koperasi Malaysia (IKMa), Petaling Jaya Selangor Untuk Tempoh 2 Tahun. **Kos penyediaan perjanjian kontrak dan mati setem ditanggung oleh pihak penyebutharga.**
- 7.2 Sekiranya terdapat tempoh kelewatan perolehan yang lewat, penyebutharga hendaklah mengganti rugi.
- 7.3 Sekiranya syarikat gagal menyempurnakan bekalan/ perkhidmatan yang telah ditetapkan dalam tempoh kontrak yang dipersetujui, maka syarikat dikehendaki membayar denda dalam tempoh 30 hari setelah menerima notis denda daripada IKMa dengan menggunakan formula berikut:

**7.3.1 Bagi barang-barang makanan yang tidak diserahkan setelah dipesan, IKMa berhak membeli daripada punca lain dan syarikat hendaklah membayar kos perbelanjaan memperolehi barang-barang makanan yang lebih daripada harga di dalam Perjanjian ini dan Kerajaan juga boleh mengenakan denda sebanyak 10% dari nilai barang-barang makanan yang dipesan itu atau RM500 mengikut mana yang kurang**
- 7.4 Jumlah ganti rugi yang dikira bagi kelewatan di atas akan ditolak (set off) daripada bayaran fasa tersebut.
- 7.5 Penyebutharga yang berjaya mesti menanggung sendiri risiko berkenaan kontrak mengikut syarat-syarat, spesifikasi dan jadual sebahagiannya mestilah menurut status, peraturan atau melalui undang-undang dan keperluan mana-mana kebenaran.

## **8. BON PELAKSANAAN**

- 8.1 Bon Pelaksanaan adalah suatu aku janji tidak bersyarat oleh sesuatu institusi kewangan yang dibenarkan oleh Kementerian Kewangan untuk membayar kepada IKMa suatu amaun tertentu atas tuntutan IKMa sekiranya syarikat tidak atau gagal mematuhi dan melaksanakan obligasinya di bawah kontrak.
- 8.2 Bagi kontrak bekalan dan perkhidmatan, syarikat hendaklah mengemukakan bersama-sama dengan SST, Bon Pelaksanaan yang nilainya adalah seperti berikut:
- a) 2.5% daripada jumlah harga kontrak bagi kontrak yang bernilai kurang RM500,000;
  - b) 5% daripada jumlah harga kontrak yang bernilai melebihi RM500,000;
- 8.3 Bon Pelaksanaan dalam bentuk seperti berikut:
- a) Jaminan Bank/Syarikat Kewangan yang dikeluarkan oleh bank/syarikat kewangan berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia;
  - b) Jaminan Bank Islam yang dikeluarkan oleh bank berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759] yang beroperasi di Malaysia;
  - c) Jaminan Insurans yang dikeluarkan oleh syarikat insurans yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia;
  - d) Jaminan Takaful yang dikeluarkan oleh Syarikat Takaful yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759] yang beroperasi di Malaysia; atau

- e) Jaminan Bank/Syarikat Kewangan yang dikeluarkan oleh bank/syarikat kewangan berlesen di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [Akta 618] yang beroperasi di Malaysia.
- 8.4 Tempoh sah laku jaminan bagi Bon Pelaksanaan bagi perolehan bekalan atau perkhidmatan hendaklah dari tarikh ianya dikeluarkan sehingga 12 bulan selepas tarikh tamat kontrak atau selepas obligasi terakhir, mengikut mana yang terkemudian.
- 8.5 Bon Pelaksanaan boleh dilepaskan setelah segala obligasi kontrak selesai. Surat Pelepasan (*Letter of Discharge*) bagi Jaminan Bank/Jaminan Syarikat Kewangan/Jaminan Bank Islam/Jaminan Insurans/Jaminan Takaful hendaklah dikemukakan kepada Bank/Syarikat Kewangan/Bank Islam/Syarikat Insurans/ Syarikat Takaful. Surat pelepasan hendaklah ditandatangan oleh pegawai IKMa yang diberi kuasa.
- 8.6 Penyebutharga yang berjaya dan telah mengikat kontrak dengan IKMa dikehendaki membayar tuntutan ganti rugi sekiranya didapati pihak penyebutharga tersebut melanggar syarat-syarat kontrak (*break of contract*) dan disabitkan kesalahan.

## **9. BIDANG KERJA / SKOP PENYEBUTHARGA**

- 9.1 Memberi perkhidmatan seperti di dalam spesifikasi yang telah dinyatakan.

## **10. PENERIMAAN SEBUTHARGA**

- 10.1 IKMa akan memberi Surat Setuju Terima kepada penyebutharga yang berjaya.

## **11. TEMPOH KONTRAK**

- 11.1 IKMa berhak menentukan tarikh permulaan kontrak dan tarikh tamat kontrak.

## **12. LAWATAN TAPAK**

- 12.1 Kontraktor dikehendaki hadir lawatan tapak ke tempat berkenaan untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas.

### **13. PERATURAN PEMBEKALAN MAKANAN BERMASAK ISLAM (HALALAN TOYYIBAN)**

- 13.1 Bahagian stor makanan IKMa, menjalankan operasi dari hari Isnin hingga ke hari Ahad. Jika sekiranya terdapat cuti am/tidak ada kursus, pihak pembekal akan dimaklumkan selewat-lewatnya 3 hari sebelum tarikh penghantaran bekalan. Pembekal hendaklah bersedia menerima tempahan khas dari semasa ke semasa.
- 13.2 Barang-barang yang dibekalkan mestilah berkualiti seperti yang telah ditetapkan. Pihak IKMa berhak menolak dan pihak pembekal hendaklah menggantikan dengan yang baharu.
- 13.3 Kerosakan barang-barang di dalam perjalanan penghantaran bekalan adalah ditanggung sendiri oleh pembekal.
- 13.4 Pembekal hendaklah hadir semasa membuat penyerahan barang-barang dan barang-barang tersebut hendaklah diserahkan hanya kepada pegawai yang dipertanggungjawabkan.
- 13.5 Sekiranya barang-barang yang dipesan tidak dapat dibekalkan pada masa yang ditetapkan, pembekal hendaklah terlebih dahulu berbincang dengan pegawai yang dipertanggungjawabkan sebelum membekal barang gantian. Barang gantian hanya boleh dibekalkan setelah dipersetujui oleh pihak bertanggungjawab seminggu sekali sahaja.
- 13.6 Pihak pembekal dikehendaki menghantar barang sebelum jam 7.30 pagi dan pada jam 9.00 pagi dikehendaki datang semula ke bahagian stor makanan IKMa untuk menyemak tambahan barang yang diperlukan jika ada. Pihak pembekal dikehendaki mengambil borang pesanan untuk keesokan harinya pada sebelah petang.
- 13.7 Pihak IKMa berhak memulangkan semula barang-barang yang telah tamat tempoh atau tidak memenuhi spesifikasi yang telah ditetapkan. Sekiranya ini berlaku, pihak pembekal hendaklah menggantikan dengan barang yang baharu.

13.8 Lokasi Penerimaan Bekalan hendaklah dihantar ke alamat berikut:

**UNIT FASILITI DAN SAJIAN**  
**INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMA)**  
103, Jalan Templer  
46700 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan.

**14. TARIKH TUTUP**

14.1 Tarikh tutup sebutharga adalah pada jam 12.00 tengahari pada **10 Februari 2025 (Isnin)**. Dokumen sebutharga hendaklah dikemukakan kepada Institut Koperasi Malaysia (IKMa) pada atau sebelum waktu dan tarikh tersebut. Sebutharga yang lewat tidak akan dipertimbangkan.

**(6)**

## **SPESIFIKASI**

**JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI SENARAI BEKALAN BERMASAK ISLAM (KUIH-MUIH) UNTUK  
TEMPOH 2 TAHUN**

BIL		SPESIFIKASI / CIRI-CIRI MINIMUM	PEMATUHAN (YA/TIDAK)	KETERANGAN PENYEBUTHARGA
1		PERIHAL		
	1.1	Item-item dalam Sebutharga Membekal dan Menghantar Makanan Bermasak Islam kepada Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Petaling Jaya, Selangor disenaraikan berdasarkan menu masakan yang telah ditetapkan untuk peserta kursus yang menghadiri kursus di IKMa.		
	1.2	Penghantaran mestilah dilakukan pada setiap hari seperti yang telah ditetapkan oleh IKMa. Oleh yang demikian, ketepatan pembekalan dan penghantaran bahan-bahan yang dipesan amat penting dan perlu dipenuhi serta ditepati oleh penyebutharga yang berjaya dipilih kelak.		
	1.3	Pembekal hanya dibenarkan untuk menukar tempahan jenis kuih seminggu sekali sahaja.		
2	<b>BEKALAN KUIH-MUIH</b>			
	2.1	Berat setiap kuih-muih yang dibekalkan:		
		Hendaklah tidak kurang daripada berat yang telah ditetapkan.		
		Hendaklah bersih, tidak pecah/retak		
		Hendaklah segar dan tidak disimpan dalam peti sejuk.		
		Kuih-Muih yang berunsur kelapa hendaklah dalam keadaan baik dan tidak basi/berbau hapak.		

**SPESIFIKASI PEMBEKALAN DAN PENGHANTARAN MAKANAN BERMASAK ISLAM (KUIH MUIH) KE  
KAMPUS UTAMA INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa), PETALING JAYA SELANGOR UNTUK TEMPOH 2  
TAHUN.**

**(ANGGARAN KEPERLUAN BEKALAN DI IKMa BAGI TEMPOH 2 TAHUN)**

BIL	KETERANGAN BEKALAN	ANGGARAN KEPERLUAN BEKALAN SETAHUN (KG/UNIT/BIJI/CUCUK/KEPING/KETUL)	KANDUNGAN (BERAT TIDAK)	HARGA PER / BIJI (RM)	JUMLAH HARGA SETAHUN (RM)	JUMLAH HARGA 2 TAHUN (RM)
<b>KUIH-MUIH</b>						
1	Apam Gula Hangus	2,000 biji	30 gm sebiji			
2	Apam Pisang	2,000 biji	30 gm sebiji			
3	Seri Ayu	2,000 biji	30 gm sebiji			
4	Bahulu Kemboja	2,000 biji	30 gm sebiji			
5	Bingka Ubi	2,000 biji	30 gm sebiji			
6	Bingka Bakar	2,000 biji	30 gm sebiji			
7	Puding Jagung	2,000 biji	30 gm sebiji			
8	Tepung Gomak	2,000 biji	30 gm sebiji			
9	Buah Melaka	2,000 biji	30 gm sebiji			
10	Burger Malaysia	2,000 biji	30 gm sebiji			
11	Cara Manis	2,000 biji	30 gm sebiji			
12	Cara Berlauk	2,000 biji	30 gm sebiji			
13	Cek Mek Molek	2,000 biji	30 gm sebiji			
14	Cucur Badak	2,000 biji	30 gm sebiji			
15	Cucur Udang	2,000 biji	30 gm sebiji			
16	Jemput-Jemput Pisang	2,000 biji	30 gm sebiji			
17	Donut	2,000 biji	30 gm sebiji			
18	Kuih Getas	2,000 biji	30 gm sebiji			
19	Karipap Kentang	2,000 biji	30 gm sebiji			
20	Karipap Keledek	2,000 biji	30 gm sebiji			

BIL	KETERANGAN BEKALAN	ANGGARAN KEPERLUAN BEKALAN SETAHUN (KG/UNIT/BIJI/ CUCUK/ KEPING/KETUL)	KANDUNGAN (BERAT TIDAK	HARGA PER / BIJI (RM)	JUMLAH HARGA SETAHUN (RM)	JUMLAH HARGA 2 TAHUN (RM)
21	Karipap Sardin	2,000 biji	30 gm sebiji			
22	Kuih Kasturi	2,000 biji	30 gm sebiji			
23	Roti Sardin	2,000 biji	30 gm sebiji			
24	Kuih Koci	2,000 biji	30 gm sebiji			
25	Lepat Pisang	2,000 biji	30 gm sebiji			
26	Popia Sambal	2,000 biji	30 gm sebiji			
27	Seri muka	2,000 biji	30 gm sebiji			
28	Tepung talam	2,000 biji	30 gm sebiji			
29	Talam Ubi	2,000 biji	30 gm sebiji			
30	Lepat Labu	2,000 biji	30 gm sebiji			
31	Lepat Ubi	2,000 biji	30 gm sebiji			
32	Pulut Panggang	2,000 biji	30 gm sebiji			
33	Vadei	2,000 biji	30 gm sebiji			
34	Nona Manis	2,000 biji	30 gm sebiji			
35	Bom Bijan	2,000 biji	30 gm sebiji			
36	Kuih Lopes	2,000 biji	30 gm sebiji			
37	Kuih Lapis	2,000 biji	30 gm sebiji			
38	Kuih Lompam	2,000 biji	30 gm sebiji			
39	Pulut Inti	2,000 biji	30 gm sebiji			
40	Kuih Sagu	2,000 biji	30 gm sebiji			
41	Kuih Keria	2,000 biji	30 gm sebiji			
42	Tepung Bungkus	2,000 biji	30 gm sebiji			
43	Ketayap	2,000 biji	30 gm sebiji			
44	Tepung Pelita	2,000 biji	30 gm sebiji			

BIL	KETERANGAN BEKALAN	ANGGARAN KEPERLUAN BEKALAN SETAHUN (KG/UNIT/BIJI/ CUCUK/ KEPING/KETUL)	KANDUNGAN (BERAT TIDAK	HARGA PER / BIJI (RM)	JUMLAH HARGA SETAHUN (RM)	JUMLAH HARGA 2 TAHUN (RM)
45	Apam Beras	2,000 biji	30 gm sebiji			
46	Kuih Peria	2,000 biji	30 gm sebiji			
47	Pulut Serunding	2,000 biji	30 gm sebiji			
48	Samosa	2,000 biji	30 gm sebiji			
49	Kuih Kaswi	2,000 biji	30 gm sebiji			
50	Puding Mangga	500 biji	80 gm sebiji			
51	Puding Laici	500 biji	80 gm sebiji			
52	Puding Strawberi	500 biji	80 gm sebiji			
53	Muffin Coklat	2,000 biji	30 gm sebiji			
54	Muffin Vanilla	2,000 biji	30 gm sebiji			
55	Jemput-Jemput Pedas	2,000 biji	30 gm sebiji			
56	Jemput-Jemput Manis	2,000 biji	30 gm sebiji			
57	Kole Kacang	2,000 biji	30 gm sebiji			
58	Cream Caramel	500 biji	30 gm sebiji			
59	Fruit Tart	500 biji	30 gm sebiji			
60	Egg Tart	500 biji	30 gm sebiji			
61	Cream Puff	500 biji	30 gm sebiji			
62	Vegetarian Samosa	100 biji	30 gm sebiji			
63	Burger Ayam	60 biji	150 gm sebiji			
64	Burger Daging	60 biji	150 gm sebiji			
65	Pizza	60 biji	240 gm- 300 gm sebiji			
66	Sagu Gula Melaka	500 biji	80 gm biji			
67	Dadih	500 unit	80 gm unit			
68	Aiskrim Cup	500 unit	105 ml unit			

BIL	KETERANGAN BEKALAN	ANGGARAN KEPERLUAN BEKALAN SETAHUN (KG/UNIT/BIJI/ CUCUK/ KEPING/KETUL)	KANDUNGAN (BERAT TIDAK	HARGA PER / BIJI (RM)	JUMLAH HARGA SETAHUN (RM)	JUMLAH HARGA 2 TAHUN (RM)
69	Roti Canai	300 keping	80 gm sekeping			
70	Capati	60 keping	80 gm sekeping			
71	Tosei	60 keping	80 gm sekeping			
72	Murtabak	400 keping	80 gm sekeping			
73	Roti Jala	500 keping	30 gm sekeping			
74	Sandwich	500 set	30 gm set			
75	Cucur Jawa	500 biji	30 gm sebijji			
76	Pau Kukus	500 biji	30 gm sebijji			
77	Kuih Risoles	500 biji	30 gm sebijji			
78	Puding Trifle	200 unit	80 gm/unit			
79	Shepherd Pie	200 unit	80 gm sebijji			
80	Puding Tiramisu	200 unit	80 gm/unit			
81	Panna Cotta	200 unit	80 gm/unit			
82	Agar-Agar Lumut	200 unit	80 gm/unit			
83	Chicken Quiche	200 unit	80 gm sebijji			
84	Kek Coklat Moist Mini	200 unit	80 gm/ unit			
85	Kuih Dangai	500 unit	80 gm/unit			
86	Sate Ayam	3,000 cucuk	-			
87	Sate Daging	3,000 cucuk	-			
88	Nasi Lemak Daun Pisang	150 bungkus	-			
89	Pasembor	150 set	-			
90	Vegetarian Set (Tauhu Vegan Tikka Masala)	100 set	-			
91	Vegetarian Set (Vegetarian Split Pea Dhal/Dhal Methi)	100 set	-			

BIL	KETERANGAN BEKALAN	ANGGARAN KEPERLUAN BEKALAN SETAHUN (KG/UNIT/BIJI/CUCUK/KEPING/KETUL)	KANDUNGAN (BERAT TIDAK	HARGA PER / BIJI (RM)	JUMLAH HARGA SETAHUN (RM)	JUMLAH HARGA 2 TAHUN (RM)
92	Vegetarian Set (Sup Lentil Vegetarian)	100 set	-			
93	Vegetarian Set (Aloo Ghobi)	100 set	-			
94	Vegetarian Set – chinese((mixed vege soup/ Szechuan)	100 set	-			
95	Kek Majlis Rasmi/Kek Hari Jadi	12 biji	3 kg sebiji			
JUMLAH KESELURUHAN HARGA TAWARAN						
CAJ PERKHIDMATAN SST 8% (JIKA ADA)						
JUMLAH KESELURUHAN HARGA TAWARAN TERMASUK CAJ PERKHIDMATAN SST 8%						